Kursus ini membincangkan pendekatan Box-Jenkins dalam analisis univariate data siri masa, dengan penekanan kepada model autoregresif integrasi purata bergerak (model ARIMA). Seterusnya kursus ini membincangkan Model Vector Autoregression (VARs) dengan menekankan kepada aspek perhubungan sebab akibat (*causal relationship*) antara pembolehubah, menganalisa punca variasi pembolehubah dalam model dan membuat unjuran. Selanjutnya kursus ini membincangkan teknik kointegrasi, model

pembetulan ralat untuk menganalisa hubungan dinamik antara pembolehubah-pembolehubah.

.....

**BEEQ3033 PENYELIDIKAN KENDALIAN
PRA-SYARAT BEEQ1013 PENGANTAR MATEMATIK
EKONOMI, BEEQ1023 PENGANTAR STATISTIK EKONOMI**

Matlamat utama kursus ini ialah untuk menerangkan bagaimana pengambilan keputusan boleh dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan dengan menggunakan kaedah-kaedah kuantitatif. Ini merangkumi pembentukan dan penyelesaian model, pemrograman linear, kaedah simplex, analisis kepekaan, model pengangkutan dan model pengagihan, model giliran, model rangkaian (CPM/PERT), model keputusan serta penggunaan kaedah model-model tersebut dalam menyelesaikan masalah ekonomi dalam sektor perniagaan, kerajaan dan masyarakat.

.....

**BEEQ3043 KAEDAH PERSAMPelan TINJAUAN
PRA-SYARAT: BEEQ1013 PENGANTAR MATEMATIK
EKONOMI, BEEQ1023 PENGANTAR STATISTIK EKONOMI**

Kursus ini bertujuan meningkatkan kemahiran pelajar dalam mengendalikan penyelidikan khususnya berhubung dengan proses persampelan. Ianya membincangkan secara khusus bagaimana data-data primer diperolehi secara teori dan praktik. Tajuk-tajuk perbincangan meliputi konsep-konsep asas dalam persampelan dan tinjauan seperti populasi dan sampel, rangka persampelan dan reka bentuk persampelan, pengiraan statistik-statistik seperti min, varian dan nisbah dengan menggunakan formula-formula yang betul bagi setiap skema persampelan serta penentuan had ralat anggaran dan saiz sampel.

.....

**BEEQ3153 KAEDAH UNJURAN
PRA-SYARAT BEEQ2023 EKONOMETRIK ASAS**

Kursus ini merupakan pengenalan kepada matlamat asas pelunjuran. Pendekatan yang digunakan adalah dengan memberi pendedahan kepada pelajar tentang kaedah pelunjuran bersifat kuantitatif seperti kaedah siri masa dan kaedah hubungan dan penyebab. Sementara kaedah pelunjuran kualitatif seperti kaedah delphi dan tinjauan pasaran pengguna/industri turut juga diperbincangkan. Antara aspek khusus yang dibahaskan ialah objektif serta kepentingan pelunjuran dalam proses membuat keputusan (ekonomi dan pengurusan), langkah-langkah dalam membuat pelunjuran, pertimbangan dalam pemilihan teknik pelunjuran yang bersesuaian dan penilaian serta perbandingan antara kaedah pelunjuran.

.....

**BEED1013 EKONOMI MALAYSIA
PRA-SYARAT TIADA**

Kursus ini bertujuan untuk mengkaji secara analitikal dan kritis berkenaan struktur dan masalah ekonomi Malaysia serta dasar-dasar yang diamalkan oleh pemerintah sejak 1957. Umumnya, kursus ini meliputi : Sejarah pembangunan ekonomi Malaysia; Isu-isu makro seperti pertumbuhan, inflasi, pengangguran danimbangan pembayaran serta dasar pihak pemerintah untuk menghadapinya; Dasar Ekonomi Baru serta pelaksanaannya; Kedudukan sektor benar, kewangan dan awam serta masalah yang dihadapinya. Selain itu, isu-isu yang timbul berkaitan dengan dasar-dasar pihak pemerintah turut akan dibincangkan dalam kursus ini.

.....

**BEED2013 EKONOMI PEMBANGUNAN
PRA-SYARAT BEEB1013 PRINSIP EKONOMI**

Kursus ini membincangkan teori dan konsep-konsep asas ekonomi pembangunan. Perbincangan ditumpukan kepada makna dan ukuran pembangunan, teori-teori ekonomi pembangunan, faktor-faktor pertumbuhan ekonomi, persoalan kemiskinan dan agihan pendapatan, pertumbuhan penduduk dan pengangguran. Selain itu, perbincangan juga diberikan kepada persoalan perancangan ekonomi dan peranan kerajaan dalam mencapai matlamat pembangunan ekonomi.

.....

**BEED3013 ISU DAN DASAR PEMBANGUNAN
EKONOMI
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini merupakan lanjutan kepada kursus ekonomi pembangunan. Kursus ini membincangkan isu dan masalah utama pembangunan ekonomi negara-negara sedang membangun serta dasar-dasar yang berkaitan untuk mengatasinya. Topik yang dibincangkan meliputi persoalan migrasi dan urbanisasi, pendidikan dan pembangunan sumber manusia, pembangunan sektor pertanian dan industri, dan alam sekitar dan pembangunan. Selain itu, isu dan masalah pembangunan ekonomi yang berkaitan dengan keterbukaan ekonomi juga akan dibincangkan. Ini meliputi persoalan perdagangan dan pembangunan, masalah hutang luar danimbangan pembayaran dan juga globalisasi.

.....

**BEED3023 EKONOMI PERANCANGAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini dikendalikan dalam dua bentuk, deskriptif dan kuantitatif. Ia akan memberi kefahaman tentang konsep, teori, model dan kaedah-kaedah dalam perancangan. Tajuk-tajuk yang akan

dibincangkan merangkumi konsep dan kaedah perancangan peringkat mikro dan makro.

BEED3033 EKONOMI WILAYAH
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kepentingan analisis ekonomi wilayah; ekonomi wilayah dan pembangunan nasional. Asas Teori Ekonomi Wilayah: Asas eksport; pola pertumbuhan; pusat-pinggir; teori penempatan. Matlamat Polisi Pembangunan Wilayah. Analisis Kuantitatif: Data asas untuk pembangunan wilayah; analisis aliran; konsep rangkaian dan imbalan ekonomi wilayah; analisis komposisi ekonomi wilayah; analisis input-output untuk pembangunan wilayah. Dasar dan Polisi Ekonomi Wilayah di Malaysia: Analisis ketidakseimbangan wilayah sebelum 1970; analisis ketidakseimbangan wilayah dalam era DEB.

BEED3043 PENILAIAN PROJEK
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Setiap projek kecil atau besar harus melalui proses di dalam kitaran hayat projek. Salah satu daripada item di dalam kitaran ini ialah penilaian ke atas projek sama ada ia *viable* untuk dijalankan. Kursus ini menyetengahkan teknik-teknik di dalam penilaian sesuatu projek itu. Antara kandungan kursus ini : kitaran projek; konsep nilai masa dan kadar diskaun; perbezaan di antara analisis ekonomi dengan analisis kewangan; aliran tunai; teknik-teknik perlaksanaan projek; dan pengesanan dan penilaian semula projek.

BEED3053 PEMBANGUNAN EKONOMI ASEAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Objektif kursus ini adalah untuk menyediakan pelajar yang mampu menghadapi perubahan ekonomi yang pesat dalam negara-negara ASEAN. Oleh kerana pembangunan ekonomi, kemajuan teknologi dan perancangan ekonomi berlaku dengan cepat sekali di negara-negara ASEAN, adalah penting bagi pelajar ekonomi memahami dan mengetahui keadaan ini supaya mereka sentiasa peka dengan perkembangan semasa yang berlaku di rantau ini. Sejarah penubuhan ASEAN; latarbelakang negara-negara ASEAN dan struktur organisasi ASEAN semenjak awal penubuhan sehingga kini juga dibincangkan.

BEED3063 EKONOMI DEMOGRAFI
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kursus ini membincangkan masalah kependudukan dari segi struktur, komposisi dan saiz serta perubahannya mengikut masa dengan menggunakan kedua-dua teknik analisis yang menggunakan kaedah statistik dan matematik dan juga menghubungkan fenomena demografi dengan faktor sosial, budaya, ekonomi dan sebagainya. Di antara topik-topik yang akan dibincangkan termasuklah konsep-konsep dan pengukuran-pengukuran asas demografi, kepentingan analisis demografi, migrasi penduduk dan guna tenaga serta hubungannya dengan pembangunan ekonomi.

BEEE3073 EKONOMI ALAM SEKITAR
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kursus ini bertujuan memberi kefahaman tentang perlunya isu alam sekitar dilihat daripada perspektif ekonomi. Masalah eksternaliti serta isu akibat kegagalan pasaran akan menjadi asas kepada perbincangan dalam kursus ini. Beberapa pendekatan ekonomi seperti pemberian hak, percukaian dan penggunaan permit akan dibincang dalam usaha menanggapi masalah pencemaran sebagai alternatif kepada kawalan dan pengawasan langsung melalui undang-undang. Selain itu, pelajar juga akan didedahkan dengan beberapa kaedah dan analisis ekonomi seperti analisis faedah-kos, keberkesanan kos dan beberapa kaedah lain yang boleh membantu menyelesaikan masalah alam sekitar.

BEEE3083 EKONOMI SUMBER ALAM
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kursus Ekonomi Sumber Alam membincangkan penggunaan sumber alam, sama ada sumber boleh ganti (*renewable resources*) dan sumber tidak boleh ganti (*nonrenewable resources*). Kursus ini juga membincangkan penggunaan sumber tenaga (*energy uses*), kekurangan sumber alam (*natural resource scarcity*) dan peraturan berkaitan sumber alam. Contoh-contoh analisis sumber alam di dalam sektor perikanan, perhutanan, sumber galian, dan sumber air akan dibincangkan.

BEEE3093 PENILAIAN SUMBER ALAM
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kursus ini meliputi konsep asas dan teknik yang digunakan dalam penilaian sumber alam yang tidak mempunyai nilai pasaran

termasuk barangan, perkhidmatan dan fungsi ekologi. Antara topik-topik yang akan dibincangkan di dalam kursus ini meliputi: pertama, asas kebajikan di dalam penilaian faedah alam sekitar dan kesan ketidaktentuan serta nilai pilihan (*option value*). Kedua, teknik-teknik dalam menilai sumber alam yang tidak mempunyai nilai pasaran. Ini termasuk: penggunaan pasaran berkaitan termasuk kaedah fungsi pengeluaran dan kaedah kos perjalanan (*travel cost method*); penggunaan pasaran gantian termasuk "*hedonic pricing method*"; dan penggunaan pasaran tiruan (*simulated market*) terutama "contingent valuation market".

**BEEE3103 ANALISIS EKONOMI PELANCONGAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Industri pelancongan merupakan salah satu daripada komponen sektor perkhidmatan yang kini semakin mendapat tumpuan di dalam perancangan pembangunan ekonomi Malaysia. Sumbangannya tidak sahaja dilihat dari segi aliran masuk tukaran wang asing, malahan lebih penting ianya melibatkan elemen rantai pelbagai aktiviti ekonomi yang dijana secara langsung atau tidak langsung oleh industri ini. Oleh itu kursus ini akan membincangkan keberkesanan dan sumbangan industri ini di dalam mencorakkan arus perkembangan ekonomi negara masa kini dan di masa depan. Antara topik-topik yang akan dibincangkan ialah definisi dan falsafah pelancongan, pelancongan dan pembangunan ekonomi, unjuran permintaan dan perbelanjaan pelancongan, analisis ekonomi dan industri pelancongan, dasar kerajaan dalam industri pelancongan, dan isu-isu semasa ekonomi pelancongan.

**BEEA3033 KEWANGAN PERNIAGAANTANI
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini membincangkan isu-isu berkaitan kewangan perniagaantani seperti bagaimana mendapatkan modal perniagaantani, polisi berkaitan kredit perniagaantani, kriteria penilaian dalam pemberian pinjaman oleh institusi kewangan, analisis kredit dan penyediaan kertas kerja untuk permohonan pinjaman.

**BEEA3113 EKONOMI PENGELUARAN PERTANIAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini memberi pengenalan kepada aspek ekonomi pengeluaran pertanian. Fokus akan diberikan kepada hubungan di antara input dan output bagi penggunaan pelbagai input berubah. Kursus ini juga akan membincangkan kaedah-kaedah

penting dalam pemilihan pelaburan pertanian yang berfaedah kepada seorang pengurus dalam membuat keputusan ladang. Contoh-contoh empirik digunakan untuk menggabungkan teori dengan amali.

**BEEA3123 SAINS PENGURUSAN PERNIAGAANTANI
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini mencakupi keseluruhan aspek asas pengurusan perniagaantani. Ianya akan memberi pendedahan mengenai teras dan aplikasi aktiviti perniagaantani bermula di peringkat pemahaman pengurusan ladang untuk mengeluarkan hasil pertanian sehinggalah kepada aspek pemasaran dan ekonomi pertanian bagi memastikan pelajar memperoleh pengetahuan dan kepakaran asas yang mencukupi sebagai bakal pengurus perniagaantani yang cekap dan berkesan.

**BEEA3133 EKONOMI PEMBANGUNAN PERTANIAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini membincangkan pembangunan sektor pertanian yang dilihat sebagai satu proses volusi dan transformasi daripada pertanian tradisional kepada pertanian moden. Tajuk yang dibincangkan meliputi teori-teori pembangunan pertanian, proses pembangunan pertanian, peranan dan sumbangan sektor pertanian dalam pembangunan ekonomi, dasar pertanian, dan isu dan masalah yang dihadapi oleh sektor pertanian.

**BEEA3153 PEMASARAN PERTANIAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini membincangkan mengenai institusi pemasaran dan perdagangan antarabangsa serta peranan yang dimainkan olehnya dalam penyaluran keluaran pertanian kepada pengguna-pengguna akhir. Kursus ini juga membincangkan faktor ekonomi dan bukan ekonomi yang mempengaruhi pasaran dan perdagangan pertanian.

**BEEA3163 PERDAGANGAN DAN PERNIAGAAN
PERTANIAN ANTARABANGSA
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini membincangkan konsep asas Perdagangan Antarabangsa yang digunakan didalam perdagangan barang makanan dan lain-lain barangan pertanian. Kursus bermula dengan perbincangan mengenai konsep perdagangan antarabangsa, kesan campurtangan kerajaan dalam pasaran

antarabangsa barangan pertanian, dan isu-isu semasa dalam perdagangan barangan pertanian.

BEEP2013 EKONOMI AWAM
PRA-SYARAT BEEB1013 PRINSIP EKONOMI

Kursus ini dirancang untuk memberikan pendedahan dan pengenalan kepada pelajar tentang ekonomi sektor awam. Secara umumnya, tajuk-tajuk yang dibincangkan menyentuh tentang peranan dan kepentingan kerajaan dalam sesebuah ekonomi. Selain daripada faktor kegagalan pasaran, penglibatan kerajaan dalam menentukan sistem cukai terbaik dan pengagihan semula pendapatan turut dibincangkan.

BEEP2023 EKONOMI KEBAJIKAN
PRA-SYARAT BEEB1013 PRINSIP EKONOMI

Kursus ini membincangkan penggunaan teori asas mikroekonomi dalam mencapai kecekapan dalam pengagihan sumber yang melibatkan pertimbangan nilai. Antara topik-topik yang dibincangkan ialah konsep pareto optima, pengukuran perubahan kebajikan, pilihan sosial, isu-isu pengagihan barangan awam, kesan luaran dan teori pilihan kedua terbaik.

BEEP3013 PEMBIAYAAN AWAM
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023 MAKROEKONOMI

Matlamat kursus ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar tentang ekonomi sektor awam. Perbincangan meliputi kajian mengenai peranan kerajaan dalam ekonomi dan fungsi-fungsi peruntukan, pengagihan dan penstabilan. Pendekatan diberi ke atas masalah-masalah yang timbul daripada kegagalan sistem pasaran, barangan awam dan eksternaliti. Dua aspek utama ekonomi sektor awam iaitu aspek perbelanjaan awam dan aspek pungutan hasil melalui sistem percukaian akan dibincangkan dengan mendalam. Melalui kursus ini, pelajar akan mempelajari bagaimana teori-teori ekonomi boleh digunakan dalam analisis perbelanjaan awam dan percukaian. Selain daripada itu, pelajar akan diberi pemahaman mengenai bagaimana dasar awam boleh mempengaruhi gelagat individu serta kesan-kesan dasar-dasar awam ke atas peruntukan sumber yang cekap dan agihan pendapatan yang adil.

BEEP3023 ANALISIS DASAR AWAM
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023 MAKROEKONOMI

Kursus ini akan menekankan aspek analisis dan penilaian dasar awam yang telah digubal dan dilaksanakan oleh kerajaan mengikut permasalahan ekonomi yang dihadapi oleh negara. Oleh itu ianya akan meliputi aspek ekonomi asas makro dan juga mikro. Kursus ini juga akan menekankan penggunaan teknik-teknik penilaian kos dan faedah bagi menilai keberkesanan dasar awam yang dilaksanakan oleh kerajaan. Antara isu-isu dasar awam yang akan dibincangkan ialah dasar pendidikan, kesihatan dan utiliti awam.

BEEP3033 EKONOMI PERCUKAIAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023 MAKROEKONOMI

Kursus ini mengkaji peranan sektor awam di Malaysia dengan memberi fokus utama kepada aspek hasil kerajaan melalui aktiviti-aktiviti percukaian. Topik-topik yang termasuk dalam kursus ini berkaitan dengan prinsip-prinsip percukaian, teori-teori percukaian, jenis-jenis cukai, kesan cukai ke atas gelagat individu, kesan cukai ke atas gelagat firma dan isu-isu yang berkaitan dengan percukaian di Malaysia.

BEEP3083 EKONOMI KESIHATAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023 MAKROEKONOMI

Kursus ini membincangkan konsep, teori dan amalan asas di dalam bidang ekonomi kesihatan. Penekanan adalah terhadap kerangka utama dalam menerangkan dan memahami bagaimana sumber-sumber ekonomi diagihkan ke dalam dan di dalam sektor kesihatan, merangkumi topik-topik seperti alat-alat asas analisis ekonomi, permintaan dan penawaran, insurans dan organisasi industri penjagaan kesihatan, teknologi, insurans sosial, buruh dan latihan, dan akhirnya kawalan serta persaingan.

BEEP2033 TEORI DAN INSTITUSI WANG
PRA-SYARAT BEEB1013 PRINSIP EKONOMI

Wang dan Ekonomi : Wang dan evolusi wang; definisi dan pengukuran wang; bekalan dan penawaran wang di Malaysia. Pasaran Kewangan, Alat-alat Kewangan dan Kadar Bunga : Peranan pasaran kewangan (pasaran wang dan model) dan proses penyaluran dana; alat-alat kewangan dan sifatnya; kadar bunga dan hubungannya dengan alat kewangan. Sistem Bank : Bank Perdagangan dan penciptaan deposit bank; teori penentuan penawaran wang dan pengganda wang; Bank Pusat dan alat-alat peraturan kewangan; sistem kewangan di Malaysia; Bank Negara

Malaysia dan objektif dan fungsinya, bank perdagangan, syarikat kewangan, bank saudagar, rumah diskaun; perantaraan kewangan bukan bank yang lain-lain; perkhidmatan bank. Pengurusan Wang dan Kewangan : Dasar kewangan dan ekonomi; matlamat dan alat-alat dasar kewangan; strategi dan sasaran dasar kewangan; kadar bunga vs agregat kewangan; keberkesanan dasar kewangan dan fiskal dalam mempengaruhi ekonomi; pengurusan kewangan di Malaysia.

**BEEM2043 SISTEM DAN URUSAN PERBANKAN
PRA-SYARAT BEEB1013 PRINSIP EKONOMI**

Kursus ini membincangkan peranan dan teknik pengurusan aset dan liabiliti institusi-institusi perbankan dan institusi kewangan bukan bank. Institusi perbankan Islam juga dibincangkan sebagai alternatif kepada sistem perbankan konvensional. Pendedahan turut diberi terhadap peranan Bank Negara Malaysia dalam pengawalan struktur dan operasi sistem kewangan. Di samping itu, perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh institusi perbankan kepada individu, perniagaan dan korporat dan pembiayaan perdagangan domestik dan perdagangan antarabangsa, operasi pasaran antara bank dan operasi pasaran wang dan tukaran asing akan dibincangkan.

**BEEM3043 EKONOMI KEWANGAN
PRA-SYARAT BEEB2023 MAKROEKONOMI, BEEB2013
MIKROEKONOMI**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang teori ekonomi kewangan. Perbincangan akan meliputi semua aspek teori permintaan dan penawaran wang di samping itu turut dibincangkan mekanisme transmisi, kadar faedah dan polisi kewangan. Perbincangan meliputi: Pengenalan - Aliran pusingan pendapatan, peranan wang di dalam Model Klasik, Peranan wang di dalam Model Keynesian, fungsi-fungsi wang dan hubungan di antara penawaran wang dan tingkat harga serta output secara empirikal. Teori-teori Permintaan Wang - Pendekatan Klasik, Pendekatan Monetarist, Pendekatan Keynesian dan Kajian empirikal permintaan wang di negara-negara sedang membangun (*developing countries*) terutama Malaysia. Mekanisma Transmisi - Mekanisma transmisi Keynesian, Mekanisma transmisi Monetarist, Perbincangan di antara Keynesian dan Monetarist.

**BEEM3053 TEORI PELABURAN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan dan kefahaman mengenai teori pelaburan mengikut pendekatan ekonomi. Penekanan kursus adalah berkaitan pengkajian pelaburan aset

hakiki menggunakan perspektif mikroekonomi dan makroekonomi. Pelaburan kewangan juga dibincangkan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai skop pelaburan yang menyeluruh. Perbincangan dalam kursus ini meliputi topik berkenaan latar belakang pelaburan, perbezaan pelaburan aset kewangan dan aset hakiki, konsep nilai wang, risiko dan ketidakpastian, teori modal, penentu dan teori pelaburan, keputusan perbelanjaan pelaburan oleh firma dan kesan polisi kerajaan terhadap aktiviti pelaburan.

**BEEM3063 EKONOMI KEWANGAN ANTARABANGSA
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini membincangkan aspek dan isu berkaitan pertukaran asing dan pelaksanaan dasar kewangan dalam konteks ekonomi antarabangsa. Kesan pelaksanaan dasar kewangan dalam regim pertukaran asing yang diamalkan oleh sebuah negara turut dibincangkan. Di samping itu, kepentingan kerjasama antarabangsa dalam ekonomi serantau dan ekonomi dunia juga akan diberi penekanan.

**BEEM3073 EKONOMI KEWANGAN DI NEGARA SEDANG
MEMBANGUN
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini membincangkan ciri-ciri ekonomi kewangan dan kesesuaian/keberkesanan pelaksanaan dasar kewangan di kalangan negara sedang membangun. Menerusi kursus ini, pengalaman laluan pengembangan ekonomi kewangan di setiap negara membangun yang terpilih akan dikaji, termasuk Malaysia. Pengalaman ini akan dijadikan dasar pengurusan ekonomi agar krisis kewangan tidak berulang lagi. Antara topik-topik yang akan dibincangkan termasuklah dualisma kewangan di negara-negara membangun, teori kewangan dan pertumbuhan ekonomi, dasar kewangan di negara-negara sedang membangun dan isu-isu

**BEET2013 EKONOMI ANTARABANGSA
PRA-SYARAT BEEB1013 PRINSIP EKONOMI**

Kursus ini memperkenalkan teori-teori asas ekonomi antarabangsa yang merangkumi perdagangan dan pembiayaan antarabangsa. Analisis gambarajah juga akan diaplikasikan bagi memahami dengan lebih lanjut pelbagai teori asas ekonomi antarabangsa ini.

**BEET3013 PERDAGANGAN ANTARABANGSA
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini merangkumi pelbagai aspek asas dan teori PAB, melibatkan tajuk-tajuk berikut : Teori Asas Perdagangan Antarabangsa (PAB) : Teori Neo-Klasik PAB; Permintaan dan Penawaran, Keluk Tawaran (*Offer Curve*) dan Syarat Perdagangan (Terms of Trade); Sumber dan PAB - Model Heckscher-Ohlin (H-O); Teori Baru PAB dan Perdagangan Intra-Industri; Pertumbuhan Ekonomi dan PAB; Alat-alat Polisi PAB - Tariff; Halangan Perdagangan Bukan Tariff; Ekonomi Politik dan Polisi PAB; Polisi Perdagangan dan Pengagihan Pendapatan; Perundingan AB dan Polisi Perdagangan; Konsep dan jenis-jenis Integrasi Ekonomi; Ciptaan Dagangan; Alihan Dagangan. Perjanjian Umum Tariff dan Perdagangan (GATT). Organisasi Perdagangan Dunia (WTO).

**BEET3023 PEMBIAYAAN ANTARABANGSA
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini bertujuan untuk memberi gambaran tentang pergerakan kewangan antarabangsa akibat daripada kegiatan perdagangan dan pelaburan antara pelbagai negara di dunia. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam Pasaran Kewangan (pasaran wang dan modal) sesebuah negara akan mempengaruhi keadaan ekonomi negara lain. Dengan mempelajari kursus ini kita dapat mengetahui bagaimana perubahan 'event' antarabangsa mempengaruhi sesebuah unit ekonomi dan bagaimana kerajaan bertindakbalas melalui polisi-polisi yang dijalankan dalam pasaran modal/kewangan antarabangsa.

**BEET3033 PELABURAN ANTARABANGSA
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Kursus ini memberi pendedahan kepada pelajar tentang : (i) Erti dan konsep "pelaburan antarabangsa" yang sebenarnya dalam konteks ekonomi; (ii) Motif dan sebab di sebalik pergerakan pelaburan langsung asing (*Foreign direct investment*, atau FDI) dan operasi syarikat multinasional (*Multi national enterprise*, atau MNE); (iii) Kesan-kesan domestik dan antarabangsa akibat daripada kegiatan FDI dan MNE dan (iv) Polisi-polisi (uni-nasional atau supra-national) terhadap FDI dan MNE. Fokus utama kursus adalah kepada pelaburan benar (iaitu pelaburan produktif) yang menyeberangi sempadan pelbagai negara melalui kegiatan-kegiatan FDI dan MNE. Kursus ini tidak melibatkan pelaburan kewangan yang fokus kepada analisis alat-alat kewangan dan strategi pengurusan portfolio. Sungguhpun pelaburan antarabangsa boleh dibahagikan kepada aktiviti

pelaburan asing secara langsung (*FDI*) dan aktiviti oleh syarikat-syarikat multinasional (*MNE*), namun pembahagian ini sering kali hanya dapat dilakukan secara konsep atau atas kertas sahaja. Secara praktikal, FDI dan MNE selalunya merujuk kepada asas-asas yang sama-sama ada teori-teorinya, kesan-kesannya, ataupun polisi-polisi berkaitannya.

**BEET3043 INSTITUSI DAN KEWANGAN
ANTARABANGSA
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI**

Memberi pendedahan kepada pelajar tentang sistem kewangan antarabangsa dan polisi kewangan antarabangsa. Pelajar-pelajar akan didedahkan kepada terminologi dan konsep-konsep penting di dalam pembiayaan antarabangsa seperti penentuan kadar pertukaran dan aspek-aspek yang berkaitan dengannya. I. Sistem Kewangan Antarabangsa 1870-1973 - Pengenalan, Gold Standard 1870-1994, Tahun di antara Perang Dunia Pertama dan Kedua 1918-1939, Sistem Bretton Woods 1994-1973 dan Penubuhan IMF dan World Bank. II. Sistem Kewangan Semasa - Polisi Mikroekonomi di bawah sistem kadar pertukaran bebas dan terurus, Perbandingan kejayaan polisi mikroekonomi dan koordinasi di bawah sistem kadar pertukaran bebas dan tetap, Sistem Kewangan Eropah (EMS). III. Pasaran Modal Antarabangsa - 'International banking' dan pasaran modal antarabangsa, Euvodollars dan Eurocurrencies Regulasi ke atas 'international banking'. IV. Krisis Hutang Negara Sedang Membangun (LDC) - Asal-usul krisis hutang LDC, Langkah-langkah menangani krisis hutang LDC, Peranan IMF dan Bank Dunia.

**BEEI2053 EKONOMI BURUH
PRA-SYARAT BEEB1013 PRINSIP EKONOMI**

Kursus ini memperlihatkan ekonomi buruh dari dua aspek: Mikroekonomi dan Makroekonomi. Aspek Mikroekonomi menumpu kepada analisis model asas dan lanjutan penawaran buruh. Permintaan dan penawaran buruh dalam jangka pendek dan jangka panjang serta faktor-faktor penentunya. Kualiti buruh dan pelaburan modal manusia, keseimbangan pasaran pasaran dalam penentuan upah dan peruntukan buruh: pasaran persaingan sempurna, monopsoni, monopoli bilateral. Mobiliti buruh dan migrasi, serta diskriminasi buruh: jenis dan modelnya. Aspek makroekonomi menjurus kepada aspek agregat pasaran buruh: agihan perolehan dan ketaksamaan, produktiviti buruh dan pertumbuhannya serta gunatenaga dan pengangguran. Di samping itu, perbincangan tentang pasaran buruh dari persepsi dan situasi negara Malaysia juga akan didedahkan.

BEEI3053 ORGANISASI INDUSTRI
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kursus ini merupakan satu cabang mikroekonomi gunaan. Kursus ini memberi pendedahan pelajar tentang teori dan bukti-bukti empirik tentang firma, pasaran dan industri. Perbincangan utama meliputi aspek-aspek teori dan empirik tentang struktur pasaran, gelagat firma serta kesannya terhadap prestasi ekonomi dan kebajikan ekonomi. Juga melihat polisi-polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mempengaruhi struktur, gelagat dan prestasi industri. Kandungan kursus meliputi: Pengenalan: Model, teori asas, pasaran dan organisasi; Teori firma; Kos dan organisasi industri. Struktur pasaran: Persaingan; Monopoli, monopsoni dan firma dominan; Kartel; Oligopoli tidak kerjasama; Pembezaan keluaran dan persaingan monopolistik; Struktur industri dan prestasi. Strategi pasaran: Gelagat strategik; Diskriminasi harga; Perkembangan penetapan harga; integrasi menegak. Maklumat & iklan: Maklumat; Iklan dan pendedahan Model dinamik: Hakcipta dan kemajuan teknologi; Operasi pasaran Dasar kerajaan: Regulasi.

.....

BEEI3063 REGULASI INDUSTRI
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kursus ini berkaitan interaksi antara pasaran dan kerajaan segi teori dan amalan. Secara khususnya, kursus ini mengkaji interaksi antara dasar kerajaan dan operasi perniagaan dalam ekonomi yang mengamalkan sistem pasaran bebas (*free enterprise system*). Kursus ini juga mengkaji bagaimana dasar kerajaan bertindakbalas kepada kewujudan monopoli melalui pelaksanaan undang-undang anti-tampanah (*antitrust*) dan regulasi.

.....

BEEI3073 EKONOMI PENGURUSAN
PRA-SYARAT: BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kursus ini memperkenalkan pelajar kepada penggunaan teori serta metodologi ekonomi bagi membantu pihak pengurusan serta firma yang beroperasi dalam keadaan ketidakpastian dan berisiko untuk membuat keputusan. Ia juga akan cuba memberi kefahaman kepada pelajar mengenai perjalanan sesebuah ekonomi dan bagaimana polisi-polisi ekonomi mempengaruhi operasi firma. Tajuk utama merangkumi; teori permintaan, analisa pengeluaran, analisa kos, penetapan harga, perbelanjaan modal dan pelaburan.

.....

BEEI3083 ANALISIS KAJIAN INDUSTRI
PRA-SYARAT BEEB2013 MIKROEKONOMI, BEEB2023
MAKROEKONOMI

Kursus ini akan memperkenalkan kepada pelajar kaedah statistik yang terkini, relevan serta lazim digunakan dalam analisis ekonomi industri. Pelajar akan dibimbing untuk mendalami dan menganalisis pertumbuhan dan perubahan struktur industri seperti kaedah menghitung perubahan struktur, konsep rantaian depan-belakang, analisis input-output dan peranan industri dalam perubahan struktur. Matlamat utamanya adalah untuk melengkapkan pelajar dengan keupayaan untuk menggunakan dan memahami analisis statistik dalam bidang ekonomi industri dengan lebih berkesan.

.....

BEEEX4908 PRAKTIKUM

Pelajar Program Sarjanamuda Sains Ekonomi diwajibkan menjalani latihan praktikum pada semester akhir pengajian setelah mengambil dan lulus kesemua kursus di bawah struktur program. Tempoh latihan praktikum adalah selama 4 bulan. Kursus praktikum akan membantu pelajar menghubungkan kefahaman teori dan amali semasa alam pekerjaan.